

# PENERBITAN MAJALAH EKONOMI MELAYU, 1917-2000

ROOSFA HASHIM

---

## ABSTRACT

*This paper traces the development of Malay magazines devoted to economic issues. *Warta Perusahaan Timah* (1917), a publication of the Federation of the Malay Department of Agriculture is often viewed as the pioneer, and this was followed by three other publications till the country gained its independence in 1957. Independence was without doubt an impetus for the birth of other magazines as economic development, especially that of the Malays took center stage. The establishment of RIDA (later renamed MARA), the introduction of the National Language Policy, The New Economic Policy all played a part in the development of Malay magazines centered on economic issues. This paper, apart from examining the main trends also provides a comprehensive listing of all the Malay economics magazines published in the country.*

## PENGENALAN: MAJALAH EKONOMI DI CELAH TIMBUNAN MAJALAH MELAYU

Perbincangan tentang perkembangan dan pertumbuhan majalah Melayu pada awalnya telah dilakukan oleh Muhammad Dato' Muda (1941) dan kemudian diteruskan oleh sarjana-sarjana Barat seperti Proudfoot (1981) dan Roff (1972). Penelitian mereka kemudian disambung oleh sarjana-sarjana tempatan termasuklah oleh Iskandar (1973), Ahmat Adam (1992), dan Hamed (2002). Oleh sebab bentuk majalah dan akhbar yang belum mantap ketika itu, setiap pengkaji ini merekodkan jumlah majalah Melayu yang berbeza sebagaimana yang dijelaskan oleh Hamed (2002).

Penerbitan majalah Melayu di negara ini ditandai dengan kemunculan *Bustan Ariffin*, terbitan Anglo Chinese Press. Majalah ini disunting oleh Claudius Thomsen, seorang paderi Kristian dengan bantuan Abdullah Abdul Kadir Munsyi. Kemudian muncul pula *Taman Pungutuan* (1848), *Pungutip Segala Remah Pungutuan* (1851) atau *The Malay Gleaner, Cermin Mata* (1858), *Sahabat* (1895), *Pelajaran Skola Agama* (1895) dan *Warta Melayu* (1896). Kesemua majalah ini menyeru pembacanya kepada agama Kristian.

Selain faktor latar belakang pendidikan yang masih rendah di kalangan orang Melayu, kedudukan ekonomi yang lemah juga menghalang penerbitan lebih banyak majalah Melayu pada awal abad ini. Namun, wujud juga sejumlah majalah Melayu. Bagi Hamed (2002) penerbitan majalah Melayu sebelum perang ini digerakkan oleh inteligensia Melayu. Pertambahan judul majalah Melayu berlaku selepas tahun 1930. Tempoh 1930-1940 ini dianggap oleh Roff (1975) sebagai "banjir besar dalam persuratan Melayu" dan bagi beliau semua ini adalah kerana

bertambahnya kadar celik huruf di kalangan orang Melayu berbanding dua dekad sebelum 1930-an.

Bermula pada tahun 1904, muncul majalah Melayu yang bukan bertujuan untuk mengembangkan Kristian, iaitu *Khizanah Al-Ulum* yang diterbitkan di Kuala Kangsar dan diikuti *Al-Imam* (1906) di Singapura. Ketika ini bermulalah penerbitan majalah Melayu yang membicarakan pelbagai persoalan agama, kesusasteraan, politik, dan faham kebangsaan serta hiburan. Kebanyakan majalah ini diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang dan Kota Bharu, Kelantan. Daripada keseluruhan 122 judul majalah Melayu yang diterbitkan sebelum perang yang disenaraikan oleh Hamedi (2002, 2003), empat judul daripadanya dikategorikan sebagai majalah ekonomi: *Warta Perusabaan Tanah Melayu* (1917), *Perdagangan* (1928), *Chahaya Singapura* (1934), dan *Panduan Kehidupan* (1949). Barangkali ada lagi judul yang tercicir tetapi jumlahnya tidaklah sebanyak majalah politik, bahasa, sastera mahupun hiburan. Peratusan majalah ekonomi yang kecil ini menunjukkan masyarakat Melayu ketika itu begitu asing dengan dunia ekonomi dan perniagaan.

Selepas Merdeka, jumlah majalah Melayu yang diterbitkan tidak banyak berubah. Peratusannya juga kekal kecil berbanding majalah lain. Namun, pihak yang menerbitkannya sudah pelbagai—daripada kementerian dan agensi-agensi di bawahnya yang mahu menjayakan dasar kerajaan hinggalah kepada sejumlah kecil penerbit swasta. Pihak-pihak lain yang berkait rapat dengan ekonomi—seperti persatuan, dewan perniagaan peringkat negeri dan kebangsaan, institusi dan bank perdagangan—turut menerbitkan majalah mereka sendiri sama ada untuk edaran terhad dan percuma kepada ahli atau pekerja-pekerja sendiri mahupun untuk jualan kepada masyarakat umum. Ciri-ciri komersial mula muncul pada majalah Melayu yang diterbitkan kemudian. Di samping itu, ada majalah yang telah mewujudkan pasukan pemasarannya yang bukan sahaja untuk menjalankan tugas pendedaran, tetapi juga untuk mendapatkan iklan.

Selain pertambahan judulnya, perkembangan majalah ekonomi juga dapat dilihat pada kepelbagaian subbidang ekonomi yang dipaparkan. Pada mulanya, orang ramai hanya dapat menikmati beberapa tema yang hanya tertumpu pada ekonomi pertanian sesuai dengan ekonomi di Tanah Melayu ketika itu yang mundur. Ini termasuklah isu yang berkaitan dengan cucuk tanam, harga getah, baja, benih dan semaian, racun perosak, serta penuaian. Apabila aktiviti permajalahan Melayu berkembang, orang ramai kemudiannya dapat membaca isu-isu berkaitan subsidi kerajaan, soal jawab perniagaan, bantuan pinjaman, dan peluang perniagaan sama ada di gerai mahupun peruncitan. Selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir, paparannya berkembang kepada isu-isu pelaburan, pemasaran, saham, keusahawanan, jualan langsung, perniagaan francais, tokoh dan dunia korporat, jenayah kolar putih dan banyak lagi.

Kini, perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi bukan sahaja dimuatkan dalam majalah ekonomi yang diterbitkan secara mingguan, bulanan ataupun dwibulanan, malah akhbar harian arus perdana turut membuat sisipan ekonomi setiap hari kerana bidang ekonomi bukan lagi suatu perkara yang asing kepada sejumlah besar pembaca Melayu. Oleh sebab banyak majalah ekonomi Melayu telah muncul sejak tahun 1917, maka wajarlah kemajuannya disorot bagi melihat tahap serta babak-babak penting dalam sejarah perkembangannya.

### **MAJALAH EKONOMI MELAYU SEBELUM MERDEKA, 1917 – 1957**

Sebelum Merdeka, wujud banyak majalah Melayu. Namun, hanya terdapat empat judul yang dikategorikan sebagai majalah ekonomi Melayu. Tiga daripadanya diterbitkan dalam tulisan Jawi, manakala satu lagi dalam tulisan Rumi. *Warta Perusabaan Tanah Melayu* diterbitkan di Kuala

Lumpur manakala yang lain diterbitkan di Singapura—yang menjadi pusat perkembangan ekonomi selain sebagai sebuah entreport yang terkemuka di rantau ini.

Berbanding majalah hiburan, politik, dan agama yang banyak diterbitkan ketika itu, majalah ekonomi Melayu boleh dikatakan muncul agak awal, iaitu pada tahun 1917 dengan terbitnya *Warta Perusahaan Tanah*. Majalah terbitan Pejabat Tanam-tanaman Persekutuan Tanah Melayu ini diterbitkan secara tribulanan dalam bahasa Melayu dan diedarkan secara percuma kepada ketua-ketua kampung, penghulu, dan guru sekolah ketika itu dan berlanjutan sehingga tahun 1941. Sebagai majalah ekonomi yang paling awal, majalah ini tentulah penting kepada penerbitnya. Walaupun liputannya terbatas kepada ekonomi pertanian (termasuk penanaman sayur-sayuran dan bunga-bunga, penternakan termasuk pemeliharaan ikan serta pembajaan), tempoh penerbitannya selama hampir suku abad telah menjadikannya sebuah media ekonomi yang dikenali—walaupun bukan sebuah majalah yang berpengaruh di kalangan orang Melayu.

Sedekad selepas kemunculan *Warta Perusahaan Tanah*, terbit pula *Perdagangan* pada tahun 1928, sebuah majalah pengetahuan umum yang diadun bersama bahan-bahan yang membincangkan persoalan perniagaan. Majalah terbitan The Indonesian Co. di Singapura ini diterbitkan dalam tulisan Rumi dengan menggunakan laras Indonesia. Pengarangnya seorang Tionghua bernama Liem Khoo Liang dan dicetak oleh United Press yang terletak di Pulau Pinang. Majalah bulanan ini dijual dengan harga 25 sen senaskah.

Enam tahun kemudian, muncul pula *Chahaya Singapura*, iaitu pada tahun 1934, dengan moto “Malaya’s Premier Magazine”. Penerbit dan pengarang majalah ini ialah A.K. Daharoz dan dicetak oleh Al-Ahmadiyah Press. Walaupun diterbitkan sebagai majalah sukan, majalah ini juga banyak memuatkan tulisan yang menyentuh hal-hal berkaitan ekonomi. Majalah bulanan dalam tulisan Jawi ini, walau bagaimanapun tidak bertahan lama dan diberhentikan penerbitannya pada tahun berikutnya.

Pada tahun 1949, terbit pula *Panduan Kehidupan* di Singapura dengan moto “Mengandungi Ikhtiar Mencari Wang Jimat Cermat Asyik-mahsyuk”. Pengarang, penerbit dan pencetak majalah ini ialah Raja Mohd Yunos. Majalah ini bersaiz besar (7 inci x 10.3 inci) dan agak tebal, iaitu hampir 98 halaman. Liputannya lebih meluas kerana ia menyentuh pelbagai aspek perekonomian termasuklah panduan bersyarikat, pedoman membuka (akaun) bank, insurans nyawa, perusahaan, peluang berniaga, selain turut memuatkan cerpen, iklan, dan peraduan.

### MAJALAH EKONOMI MELAYU SELEPAS MERDEKA, 1957-1970

Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 telah membangkitkan semangat patriotisme di kalangan pemimpin negara ini untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu dalam segenap kegiatan kehidupan. Kerajaan juga turut mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan taraf ekonomi rakyat, terutamanya orang Melayu. Antaranya membuka pelbagai rancangan pembangunan tanah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diwujudkan khusus bagi memajukan taraf hidup bumiputera yang masih mundur.

Selain memperkenalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menyebabkan wujudnya aliran Melayu di sekolah-sekolah, pelaksanaan DEB pada tahun 1970 juga merupakan kemuncak usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup serta ekonomi orang Melayu. Kerajaan berusaha agar orang Melayu celik ekonomi dan dapat melibatkan diri dalam perniagaan serta dapat bersaing dengan bangsa lain dalam pelbagai aspek ekonomi.

Berbanding dasar penjajah yang tidak menggalakkan kemajuan ekonomi bumiputera, dasar-dasar yang diperkenalkan kerajaan telah menyuntik kesedaran ekonomi di kalangan rakyat, khususnya orang Melayu. Salah satu perkembangan yang dilihat tumbuh seiring dengan usaha kerajaan ini ialah kemunculan sejumlah majalah ekonomi, keusahawanan dan perdagangan—sungguhpun perkembangannya agak perlahan dan tersekat-sekat.

Tiga tahun selepas Merdeka, *Berita Perniagaan* mula diterbitkan dan diedarkan secara percuma pada tahun 1960 oleh Sinaran Brothers, sebuah penerbit dan pencetak besar di Pulau Pinang. Majalah ini lebih bersifat untuk edaran dalaman bagi tatapan pekerja-pekerjanya. Majalah tribulanan ini mengandungi berita perniagaan secara umum, namun ia tidak dapat bertahan lama.

Selepas itu, muncul pula *Ekonomis* pada tahun 1964 yang diusahakan para pelajar tingkatan enam aliran ekonomi Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur. Majalah ini diterbitkan oleh Persatuan Ekonomi sekolah tersebut. Ini adalah kali pertama sebuah majalah ekonomi diterbitkan oleh sebuah sekolah menengah Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Majalah ini diterbitkan pada tahun kedua penubuhan sekolah tersebut. Penerbitannya didorong oleh keperluan untuk memudahkan pelajar tingkatan enam menguasai ilmu ekonomi dalam bahasa Melayu. Ini kerana pelajar Melayu pada masa itu tidak mempunyai bahan bacaan dan rujukan ilmu ekonomi dalam bahasa Melayu yang mencukupi. Pihak guru dan sekolah juga berhadapan dengan kekurangan buku ekonomi dalam bahasa Melayu dan masalah penggunaan istilah ekonomi dalam bahasa Melayu. Dua buah buku rujukan pelajar pada masa itu adalah dalam bahasa Inggeris iaitu *Economics* yang ditulis oleh Samuelson dan *The Social Framework* oleh Hicks (Chan Sup Mei 1964).

Hasrat penerbitan majalah ini dijelaskan oleh guru besar sekolah tersebut. Hasratnya adalah seperti berikut:

Saya berharap keluaran ini akan menjadi tradisi persatuan ini. Dengan lain kata *EKONOMIS* akan terus keluar dan akan meninggalkan kesan yang dalam kepada pelajar2 dan ahli2-nya serta pembacha2 seluroh-nya. Juga di-harap pada masa yang akan datang lebeh banyak lagi makallah yang berupa ilmiah dalam Bahasa Kebangsaan dapat di-keluarkan.

(Halimi Sharbaini 1964)

Bentuk fizikal majalah ini adalah seperti sebuah majalah sekolah. Muka taip dan reka bentuknya pula adalah sederhana. Keseluruhan majalah ini adalah dalam hitam putih, tanpa gambar. Namun, bahagian akhir majalah ini dipenuhi dengan iklan yang sederhana daripada pelbagai syarikat. Penyumbang makalah pula adalah dari kalangan pelajar tingkatan enam sekolah itu sendiri. Kebanyakan daripada mereka ini telah muncul sebagai tokoh korporat atau ahli akademik yang berjaya seperti Abu Hassan Sham dan Hairi Abdullah. Ketua editor *Ekonomis* pula, Lajman Sirat—ketika itu pelajar tingkatan enam—kemudiannya dikenali sebagai salah seorang tokoh perniagaan.

Apabila wujud kesedaran tentang perlunya orang Melayu didedahkan kepada bahan ekonomi dan perniagaan yang lebih luas, maka muncul pula *Berita Pembangunan & Perusahaan Bumiputera* pada tahun 1967 yang diterbitkan di Pulau Pinang. Namun, penerbit dan pengarangnya tidak dapat dikesan. Secara keseluruhannya, jumlah majalah yang khusus membicarakan aspek ekonomi dalam masyarakat Melayu sebelum dan selepas negara baru mencapai kemerdekaan adalah amat kecil.

## MAJALAH EKONOMI MELAYU PASCA-DEB, 1970-2000

Jurang ekonomi yang besar antara orang Melayu dengan bangsa lain, khususnya Cina, telah mewujudkan ketegangan kaum yang akhirnya mencetuskan konflik berdarah pada 13 Mei 1969. Bagi merapatkan jurang ekonomi ini, kerajaan memperkenalkan DEB yang memberikan keutamaan kepada kaum bumiputera khususnya, orang Melayu dalam pelbagai projek dan kontrak kerajaan. Penyertaan bumiputera diberi galakan dengan pelbagai insentif berupa subsidi dan pelbagai bentuk kelonggaran dan keutamaan. Sejak itu, penyertaan orang Melayu mula dirasakan dalam pelbagai sektor ekonomi, dan seterusnya muncullah syarikat-syarikat dan jutawan Melayu yang berjaya. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai parti politik orang Melayu yang dominan dan berkuasa telah memainkan peranan besar dalam melahirkan ramai korporat Melayu yang berjaya. MARA pula telah membantu peniaga-peniaga Melayu yang mula berjinak-jinak dengan perniagaan.

Selain bergantung pada MARA, Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan UMNO, orang Melayu yang baru memulakan perniagaan turut menjadikan pelbagai pertubuhan dan persatuan, termasuk dewan perniagaan, sebagai tempat rujukan mereka. Oleh itu, Dewan Perniagaan Melayu di setiap negeri perlu memperkukuh dan memperluas rangkaian utama yang berkaitan dengan bekalan, pasaran, modal, teknologi dan maklumat (Chamhuri Siwar *et al.* 1992). Salah satu cara untuk mencapai matlamat DEB dalam melahirkan usahawan Melayu yang berketerampilan, dan dibekal maklumat yang mencukupi supaya dapat bersaing dalam perniagaan adalah dengan menerbitkan sebanyak mungkin risalah, buletin, dan majalah yang dapat menjadi saluran penyampaian maklumat.

Selepas DEB diperkenalkan, muncul beberapa majalah ekonomi Melayu seperti *Puspaniaga* (1973), *Gema Malaysia* (1975), dan *Swasta* (1979). Namun, jumlahnya belum cukup banyak memandangkan DEB baru saja dilancarkan dan impak pelaksanaannya belum jelas pada orang Melayu, sekurang-kurangnya berkaitan dengan minat yang ditunjukkan terhadap maklumat yang beredar dalam sesebuah majalah. Isu-isu yang dipaparkan dalam ketiga-tiga majalah tersebut juga masih berkisar pada persoalan asas ekonomi.

*Puspaniaga* ialah majalah terbitan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) yang merupakan lanjutan daripada surat siaran *Suara Gabungan* yang menjadi suara Dewan tersebut. Majalah ini terbit dalam saiz yang besar (8.3 inci x 11.7 inci) dan panel penasihatnya terdiri daripada tokoh kewartawanan, A. Samad Ismail, A. Samad Said, dan A. Mansor Hassan. Selaras dengan dasar DPPMM, majalah ini dikhususkan kepada peniaga kecil Melayu. Majalah ini "... bertujuan untuk seyakini-yakinnya menggambarkan, mendorong dan menyebarkan ilmu pengetahuan sekitar dunia perniagaan yang banyak faedahnya bagi kemajuan peniaga-peniaga Melayu ... ." Jelaslah bahawa majalah ini bertujuan menyampaikan maklumat kepada peniaga dan usahawan Melayu sebagaimana hasrat yang terkandung dalam DEB.

Pada mulanya, penerbitannya diserahkan kepada Junus Sudin (1973-74) tetapi kemudian, mulai tahun 1975 ia diserahkan kepada Berita Publishing. Penyumbang awal majalah ini terdiri daripada para pemberita *Berita Harian* iaitu A. Shukor Harun, Rohani Pa'wan Chik, Alias Mohamad, Zainuddin Bendahara, Siti Bidayah, dan Shahar Bakar. Selain dukungan editorial yang kuat, majalah ini juga mempunyai pengurus pemasaran dan periklanan yang bertugas untuk mendapatkan iklan. Sebagai sebuah majalah, *Puspaniaga* sudah cukup bersedia.

Namun keadaan pasaran yang belum lagi dapat memberikan ruang iklan yang secukupnya selain minat membaca yang cukup rendah ketika itu menyebabkan *Puspaniaga* tidak dapat berada lama di pasaran dan berhenti menemui pembaca pada tahun 1978—walaupun tonggakannya terdiri daripada wartawan-wartawan yang berpengalaman di *Berita Harian*. Berita



Publishing kemudian meneruskan penerbitannya dengan menggunakan judul baru, *Dataniaga*, mulai tahun 1994.

Pada tahun 1975, terbit pula *Gema Malaysia* di Pulau Pinang. Majalah perniagaan ini menggunakan moto “Majalah Pengetahuan Perniagaan Untuk Semua.” Yang jelas, penerbitannya juga adalah bagi menyahut pelbagai galakan kerajaan dalam pelaksanaan DEB pada tahun 1970 sebagaimana ditekankan oleh pengarangnya.

... perkembangan perniagaan di kalangan bumiputera nampaknya begitu segar senada dengan semangat Dasar Ekonomi Baru sekarang ini, dan harapan kami pula agar majalah *Gema Malaysia* ini akan menjadi mass media di antara peniaga dengan peniaga.

Penerbitan majalah ekonomi Melayu hanya menjadi lebih pantas selepas sedekad pelaksanaan DEB. Pada dekad 1980-an ini, kita dapat melihat kemunculan judul-judul majalah ekonomi Melayu seperti *Swasta* (1983), *Dunia Dagang* (1983), *Usabawan* (1988), *Majalah Ekonomi Rakyat* (1988), *Urusniaga* (1989), dan *Intisari Dagang* (1989).

*Swasta* dengan slogan “Jurnal Perniagaan Nasional” mula diterbitkan pada 1 Oktober 1983 oleh Qamada Publishing House yang berhasrat untuk memberikan sumbangan dengan menyampaikan maklumat kepada pembaca di negara ini. Majalah ini, menurut pengarangnya, akan cuba memperluas minat membaca dengan memperkatakan isu-isu yang melibatkan dunia perniagaan selaras dengan pergolakan ekonomi dunia. *Swasta*, tambahannya, tidak akan memperkatakan isu remeh-temeh, sensasi, dan tidak menguntungkan. Ia juga tidak akan bercerita tentang nasib malang kaum bumiputera, sebaliknya akan meningkatkan motivasi bekerja menerusi rencana dan berita yang sesuai (Aziz Ahmad Shariff 1983). Jelas sekali, ini menunjukkan sikap penerbitnya yang amat akrab dengan masalah ekonomi kaum bumiputera.

Majalah ini sebenarnya memuatkan berita-berita ringkas, profil usahawan dan tokoh, rencana, berita semasa, analisis berita, bimbingan usahawan, laporan, dan sorotan khas yang menyentuh isu-isu tertentu. Sasaran utama majalah ini ialah pembaca daripada kalangan usahawan Melayu. Reka bentuk majalah ini amat sederhana. Selain kulit hadapan dan tiga iklan pada kulit hadapan bahagian dalam, kulit belakang, serta di dalamnya, isi teks dan persembahan dalam majalah ini adalah dalam bentuk hitam putih. Majalah ini tidak mempunyai konsep yang seragam dan tidak menampakkan identiti khusus. Muka taip yang digunakan juga tidak tekal, pelbagai jenis, dan tidak mengikut amalan tipografi yang piawai. Selain itu, mutu gambarnya juga kurang baik, kabur dan gelap. Sudut penggambarannya tidak berfokus. Jumlah gambar dan grafik yang terdapat dalam majalah ini tidak memadai bahkan ada yang tidak berkaitan dengan teks serta tidak menepati keperluan rencana di dalamnya.

*Dunia Dagang* pula merupakan sebuah majalah perniagaan yang diterbitkan pada setiap bulan mulai Ogos 1983. Majalah terbitan Agensi Penerbitan Nusantara ini ditangani oleh Daud Baharum, seorang penulis dan penyusun kamus. Namun, majalah yang memuatkan makalah-makalah ekonomi dan perniagaan ini hanya mampu bertahan sehingga September 1984.

Pada tahun 1986, ekonomi negara dilanda kegawatan. Banyak syarikat yang terpaksa gulung tikar. Namun, pada masa inilah lahirnya *Usabawan* yang diterbitkan oleh Institut Usahawan Bumiputera (IUB). Antara matlamat institut yang ditubuhkan pada 8 Mac 1983 ini adalah untuk mengumpulkan dan menyebarkan maklumat mengenai pengurusan dan keusahawanan kepada ahli-ahlinya melalui majalah, buku, surat siaran dan bahan penulisan lain (*Usabawan* 1986, Bil. 1: 6).

*Usabawan*, menurut Awaluddin Abdul Rahman dalam rencana pengarangnya, diterbitkan bukan untuk menyaingi majalah lain tetapi bagi memperbanyak khazanah bacaan berbentuk

pedoman perniagaan dan menyampaikan ilmu yang perlu bagi para usahawan. Majalah ini, antara lain, memuatkan rencana umum, istilah keusahawanan, rencana fokus, rencana pemasaran, dan profil syarikat dalam keluaran sulungnya. Majalah ini terhenti penerbitannya pada tahun 1988.

Majalah ini kemudian dikenali sebagai *Usahawan Malaysia* apabila IUB menyerahkan urusan penerbitan majalah ini kepada Saujana Global pada tahun 1990 dan Pustaka Wira pada tahun 1992. Oleh itu, ketua editor dan editor majalah ini telah bertukar beberapa kali. Pada November-Disember 1998 majalah ini dihentikan dan Pustaka Wira menerbitkan *Usahawan Sukses* (Mac-Apr 1999). *Usahawan Malaysia* diterbitkan semula pada tahun 2000 dan diurus semula penerbitannya oleh Saujana Global.

*Majalah Ekonomi Rakyat* yang muncul pada tahun 1988 terbitan Penerbit Norsham di Pulau Pinang pula hanya dapat diterbitkan sebanyak lima keluaran. Majalah pengetahuan ekonomi umum ini memuatkan perkara-perkara berkaitan ekonomi dan isu semasa dalam beberapa ruangan seperti usahawan, belia dan pelajar, wiraniaga, personaliti, wanita, dan pengetahuan ekonomi.

DPPMM cawangan Wilayah Persekutuan pula pernah menerbitkan *Urusniaga* pada tahun 1989 dengan moto “Ke Arah Profesionalisme”. Awaludin Abdul Rahman, sekali lagi, menjadi editornya. Antara ruangan tetapnya ialah berita Dewan, perdagangan semasa, panduan dan fokus. Kandungannya khusus memaparkan kegiatan ahli-ahli DPPMM cawangan Wilayah Persekutuan.

Pada tahun tersebut juga, *Intisari Dagang* diterbitkan. Berbeza dengan *Intisari Dagang* terbitan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, majalah ini diterbitkan D Enterprise, daripada kumpulan Mahir Holdings, sebuah penerbit buku swasta besar di Kuala Lumpur. Kemunculan *Intisari Dagang* sebenarnya menandakan permulaan penerbitan majalah ekonomi Melayu yang mewah dan berwarna-warni.

Dari segi fizikal dan persembahannya, majalah ini lebih mewah kerana sebahagian halamannya adalah dalam bentuk warna-warni. Kulit luar majalah ini dihiasi dengan tokoh-tokoh politik dan korporat. Tokoh pertama yang menghiasi majalah ini ialah Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Abdul Ghafar Baba. Tokoh-tokoh lain yang menghiasi keluaran-keluarannya berikutnya ialah Tan Sri Teh Hong Piow (Public Bank), Ani Aroff (Kumpulan Guthrie), Mokhzani Abdul Rahim (Innovest) dan Dato’ Mohd. Farid Ariffin (Timbalan Menteri Kewangan).

Terdapat ramai penulis yang dikenali dalam majalah ini ketika itu termasuklah Dato’ Sophee, Nordin Selat (Public Bank), Ahmad Mahzan Ayob (UPM), Dr. Munawar Anees, Jaafar Abdul Rahim, A. Jalil Rahman, dan Tan Sri Awang Had Salleh. Majalah ini memaparkan rencana politik, sosial dan budaya, peluang perniagaan, pemasaran, pengurusan, perkembangan syarikat, berita hartanah, perumahan, kewangan, hobi, pelancongan dan tokoh eksekutif. Isu-isu dalam majalah ekonomi dwibahasa ini dikupas dengan lebih mendalam, analitikal, dan kritis.

Dekad 1990-an menyaksikan kemunculan lebih banyak majalah ekonomi Melayu. Pada setiap tahun dalam dekad ini pasti ada satu atau dua judul majalah ekonomi Melayu yang baru muncul satu demi satu di pasaran. Antaranya termasuklah *Usahawan Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 1990, iaitu lanjutan daripada majalah *Usahawan*, terbitan IUB.

*Pancaniaga* yang diterbitkan oleh Paraniaga Sdn. Bhd. turut muncul pada tahun 1990. Penerbitannya dikendalikan oleh bekas wartawan dan editor, Mokhtar Petah. Menurut beliau, “... majalah ini memuatkan makalah perniagaan dan ekonomi dengan matlamat untuk menjadi media dan sumber rujukan kepada anda semua yang bergiat dalam sistem pemasaran berperingkat dan perniagaan kecil di Malaysia.”

*Motivasi Niaga* pula muncul pada tahun 1991 dengan moto “Memimpin Ummah Berdikari”. Majalah terbitan Pusat Pemasaran Motivasi ini dipimpin oleh Syeikh Paiman Salleh sebagai ketua editor, manakala Bakri Mamat bertindak sebagai editor. Namun, majalah bulanan ini hanya terbit sebanyak tujuh kali sebelum diberhentikan penerbitannya pada Julai 1992. *Motivasi Niaga* mengandungi tulisan berbentuk pengetahuan dan panduan tentang dunia perniagaan. Lidah pengarangnya menyatakan bahawa “majalah ini bukan sekadar majalah tetapi media yang membimbing dan memimpin anda menjadi insan yang berani berdikari, bercita-cita tinggi, bermatlamat, berdaya maju dan tidak mudah kecewa.” Dalam keluaran pertamanya terdapat makalah-makalah seperti Pinjaman Perumahan cara Islam, kolum pengguna, bimbingan niaga, Ketahuilah hak anda, dan Jadilah seorang yang berani. Sebagai sebuah syarikat yang terlibat dalam jualan langsung, majalah ini turut digunakan oleh penerbitnya untuk mengembangkan perniagaan syarikat. Ini suatu pembaharuan dalam penerbitan majalah ekonomi Melayu. Kini, kita dapat melihat banyak sekali majalah ekonomi yang diterbitkan oleh syarikat jualan langsung seperti Amway dan CNI. Konsepnya adalah untuk memperkenalkan jurujual di negeri dan daerah tertentu dan barangan yang dipasarkan.

Karya Kreatif yang menerbitkan beberapa majalah seperti *Perempuan*, *Putera Puteri*, *Woman Today*, *Majalah RTM*, *Gelanggang* dan *Airport* telah menerbitkan majalah ekonomi dengan judul *Duniaga* pada sekitar tahun 1992 (?). Walau bagaimanapun, majalah *Duniaga* tidak bertahan lama di pasaran. *Industri Malaysia* pula mula diterbitkan pada tahun 1994 oleh Tastax Raya Press. Kekekapan penerbitan majalah ini walau bagaimanapun tidak menentu, kadangkala diterbitkan secara bulanan dan dwibulanan. Harganya juga berubah-ubah mengikut keluaran. Majalah ini mengandungi tulisan yang berkaitan dengan dunia perniagaan dan perdagangan.

Namun, tidak seperti majalah-majalah ekonomi lain yang lebih awal, editor majalah ini lebih menekankan aspek perindustrian, bahkan skopnya sudah meluas ke kawasan serantau. Ini suatu kemajuan dalam perbincangan yang dibawa oleh sebuah majalah ekonomi di negara ini. Editornya menyatakan bahawa “... majalah ini merupakan satu wadah bacaan yang komprehensif dan terperinci untuk mendalami perkembangan industri di Malaysia khususnya dan Nusantara amnya. Kita juga berharap penerbitan *Industri Malaysia* akan dapat menajamkan minda bagi persediaan mendepani pelbagai ranjau dan cabaran dalam sektor perindustrian dan perniagaan terutama kepada golongan yang menggunakan bahasa Melayu... ”

Bagi menampung perkembangan wacana ekonomi dalam bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan *Dewan Ekonomi* mulai Januari 1994. Kemudian, majalah ini difrancaiskan kepada penerbit swasta. Dengan terbitnya *Dewan Ekonomi*, buat kali pertama, kita menyaksikan majalah ekonomi Melayu mula menggunakan Lembaga Penasihat Editorial yang ramai yang terdiri daripada Datuk Dr. Syed Othman Alhabsyi, Hj. Shaari Abdullah, Hj. Abu Bakar Mohamad, Dr. Rosli Yaacob, Nik Mustapha Nik Hassan, Hj. Ismail Basri, Nor Mohamed Yakcop, Dato’ Dr. Shamsuddin Kassim, Prof. Mohamed Ariff Abdul Kareem, Dr. Ismail Muhd. Salleh, Dato’ Abdul Khalid Ibrahim, Dr. Syed Hamid Aljunid, Prof. Dr. Osman Rani Hassan, Dato’ Mohd. Salleh Abdul Majid, dan Dr. Sulaiman Mahbob.

Pengarangnya menyatakan bahawa penerbitan majalah ini “... merupakan satu usaha untuk meletakkan martabat bahasa Melayu ke dalam kehidupan korporat. Di samping memaparkan perkembangan ekonomi semasa dalam dan luar negeri, majalah ini juga akan berusaha menerapkan nilai moral dan akhlak agar kemajuan yang dirasai kelak akan seimbang dan berterusan.” Majalah ini masih diterbitkan sehingga kini.

Pada tahun yang sama, terbit pula *Dataniaga* oleh Berita Publishing, sebuah anak syarikat kumpulan akhbar yang besar di negara ini. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, *Dataniaga* merupakan lanjutan daripada *Suara Gabungan* dan *Puspamiaga* yang pernah diterbitkan DPPMM



cawangan Wilayah Persekutuan. Majalah ini mendapat sokongan editorial yang kuat daripada kumpulan akhbar yang menaunginya. Antara wartawannya ialah Airy Lim, Haniza Taufik, Iszudin Mohd. Amin, Nurkhairiyah Abdullah, Habsah Dinin, Sufian Thauri Muhammed, Azman Jaafar dan Saidon Idris. *Dataniaga*, yang terbit secara bulanan ini walau bagaimanapun tidak dapat bertahan lama dan menerima nasib yang sama seperti *Suara Gabungan* dan *Puspaniaga*. Penerbitannya diberhentikan pada tahun 1998.

Dalam keluaran awalnya, pengarangnya menyatakan, “*Dataniaga* diterbitkan untuk membekalkan golongan usahawan dengan maklumat dunia perniagaan terkini. *Dataniaga* diterbitkan untuk mempercepatkan peningkatan bilangan usahawan Melayu tulen dengan membekalkan maklumat perniagaan terkini. Tumpuan utama ialah usahawan yang terbabit dalam sektor industri kecil dan sederhana kerana sebagai penggiat baru dalam sektor keusahawanan, sebahagian besar daripada mereka tergolong dalam kelompok ini. Majalah ini akan mendedahkan peluang perniagaan, tatacara pengurusan moden, teladan kejayaan dan kegagalan sesuatu perniagaan.”

Citra Publishing yang bertempat di Bandar Baru Bangi pula telah menerbitkan majalah ekonomi berjudul *Pelabur* pada tahun 1995. Dengan menggunakan moto “Pembangunan Minda Kreatif & Kritis”, pasukan editorial *Pelabur* diketuai oleh Zahari Affandi, seorang wartawan dan novelis. Penulis undangan majalah ini terdiri daripada Dato’ Tengku Adnan Tengku Mansor, M.G.G. Pillai, Dr. M. Saad Al-Harran, Johari Ismail, Nazri Ali, dan A.R.M. Razaly.

Walau bagaimanapun, penerbitan majalah bulanan ini terhenti pada Januari 1996 sebelum diterbitkan semula dengan kerjasama PNB mulai Mei 2000. Majalah ini diterbitkan untuk memaparkan “... perkembangan sosio-politik-ekonomi semasa Malaysia dan Asia Timur dan bagaimana perkembangan-perkembangan ini akan membawa kesan positif atau negatif pada masa akan datang. Majalah *Pelabur* menilai semula kedudukan Malaysia dan Asia Timur dalam konteks pensejagatan. Kita berharap majalah *Pelabur* akan memainkan peranan sebagai pembekal maklumat kepada masyarakat pembaca yang berminat dalam politik, ekonomi, dan sosial tempatan dan antarabangsa.” Oleh sebab itu, liputannya menjangkau kawasan serantau yang lebih besar iaitu Asia Timur berbanding *Industri Malaysia* yang berazam untuk meliputi Nusantara.

Pada dekad ini juga kita menyaksikan Team Tower mula menerbitkan *Prospektus* pada tahun 1996. Dinyatakan “... *Prospektus* bukan hanya meningkatkan ilmu korporat kepada kaum bumiputera semata-mata ataupun mengutarakan segala permasalahan peniaga bumiputera yang sememangnya terlalu banyak, malah *Prospektus* juga berharap dapat membuka minda usahawan dan ahli korporat yang lain untuk sama-sama menimba atau mencurahkan ilmu perniagaan kepada semua pembaca.” Namun, majalah ini hanya terbit sebanyak tiga keluaran dan berhenti pada Disember 1996.

Ketika ini juga, beberapa judul majalah ekonomi Melayu turut diterbitkan di luar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Misalnya, di Kuala Terengganu telah terbit *Buletin Usahawan* pada tahun 1996 di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu. Malangnya majalah tribulanan ini hanya diterbitkan sebanyak dua keluaran. Sebagai sebuah majalah di peringkat negeri, majalah ini memberi tumpuan kepada dasar kerajaan negeri.

Ini jelas daripada kenyataan lidah pengarangnya, “... susulan daripada cetusan minda YAB Menteri Besar telah melahirkan bahan rujukan berbentuk *Buletin Usahawan* ini sebagai tambahan sumber maklumat perniagaan yang dimuatkan dalam buletin ini amat penting sebagai rujukan kepada pelanggan dan para usahawan. Di samping ianya sebagai penyampai berita keusahawanan, maklumat perniagaan terkini akan menjadikan buletin ini sebagai suatu media yang boleh berfungsi sebagai direktori masyarakat usahawan.”

Di Kota Kinabalu pula, muncul *Majalah Niaga* pada tahun 1999. Namun, ia hanya diterbitkan satu keluaran sahaja. Sekali lagi, sebagaimana kebanyakan majalah ekonomi yang terdahulu, maksud penerbitan majalah ini sebagaimana dijelaskan pengarangnya "... adalah bagi menjadi landasan penyebar maklumat dan ruang komunikasi sesama peniaga. Terbitnya *Majalah Niaga* adalah harapan bagi semua para usahawan yang selama ini mencari-cari sebuah majalah yang menjadi wadah antara satu sama lain. Dalam era menuju Wawasan 2020 ini adalah penting untuk sesiapa jua yang terlibat secara tidak langsung atau langsung untuk mempelajari sejauh mana ilmu ekonomi bagi memantapkan lagi pengetahuan serta selok-belok mengenai perniagaan. Tujuan utama majalah ini diterbitkan adalah untuk membentuk setiap individu yang menceburi dunia perniagaan agar lebih yakin dan berusaha bersungguh-sungguh. Kami di *MN* juga akan bertindak sebagai panduan anda untuk terus memajukan apa jua jenis perniagaan anda."

Pada Disember 1997, *Skop Niaga*, sebuah majalah terbitan Lim Kim Wah/ Tempo Publishing, mula menemui pembaca. Dengan penerbitan sebanyak lapan keluaran, majalah ini mengandungi tulisan berkenaan dunia perniagaan dan ekonomi.

*Usahawan Sukses*, sebuah majalah ekonomi Melayu yang diterbitkan oleh pihak swasta dan dapat bertahan lama, mula diterbitkan pada tahun 1999 oleh Pustaka Wira. Dengan moto "Dwibulanan Perniagaan dan Keusahawanan: Ke Arah Generasi Niaga", majalah ini dipimpin oleh Salleh Hamzah dan Rahmah Saad yang memang secara tekal menerbitkan pelbagai majalah sejak meninggalkan kerjaya wartawan dalam akhbar arus perdana. *Usahawan Sukses* memuatkan tulisan berbentuk perniagaan dan pengetahuan umum tentang ekonomi.

Pengarangnya menyatakan bahawa majalah ini merupakan "... wadah para usahawan dan bakal usahawan dan meningkatkan minda serta semangat mereka dalam menuju kejayaan. Dalam apa jua bidang, apatah lagi bidang usahawan dan kecekapan tertentu sebelum dapat menguasainya... . Melalui *Usahawan Sukses* anda dapat memperolehi ilmu keusahawanan yang kami kutip daripada semua mereka yang mahir dan berpengalaman semoga anda dapat menggarap, mencerna, seterusnya mengamalkan apa yang sesuai untuk membantu anda mengharungi dunia keusahawanan ini." Majalah ini menggantikan majalah *Usahawan Malaysia* yang sebelum ini diterbitkan oleh Pustaka Wira dengan kerjasama IUB.

### **Majalah Ekonomi Melayu Terbitan Kementerian Perdagangan dan Agensi Awam**

Penerbitan majalah ekonomi Melayu sebenarnya dimulakan oleh pihak kerajaan iaitu apabila terbitnya *Warta Perusahaannya Tanah* pada tahun 1917. Tradisi ini kemudian diteruskan oleh kebanyakan kementerian dan agensi awam di bawahnya untuk memberi sumbangan dalam mengembangkan minat di kalangan orang Melayu di negara ini dalam bidang perekonomian, perdagangan dan perniagaan. Pelbagai majalah dan buletin telah diterbitkan. Sungguhpun sebahagian terbitan ini bersifat dalaman iaitu diedarkan di kalangan kakitangan atau kelompok tertentu yang terbatas namun, kandungannya tetap bertujuan meningkatkan pengetahuan pelbagai aspek ekonomi pembacanya, iaitu orang Melayu.

Antara kementerian yang menerbitkan majalah ekonomi Melayu termasuklah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang pernah menerbitkan *Intisari Dagang* (1981), *Peluang Dagang* (1983—Malaysian Export Trade Centre), dan *Buletin Perdagangan* (1993). Terbitan-terbitan ini telah berusaha untuk membuka mata usahawan Melayu kepada pasaran antarabangsa. Selain itu, Kementerian Perusahaannya Awam pula telah menerbitkan *Buletin Usahawan* pada tahun 1992. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga turut menerbitkan buletin dan majalah ekonomi dalam bahasa Melayu seperti *Warta Cermat* (1994) dan *Buletin Perlindungan Pengguna* (2000).

MARA, agensi yang diberi peranan memajukan taraf ekonomi orang Melayu, pernah menerbitkan *Dayausaba* (1976) dengan moto “Penyuluh Ke Alam Perniagaan dan Perusahaan” manakala Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pernah menerbitkan *Suara RISDA* dan *Majalah RISDA*.

Agensi-agensi awam lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang juga menerbitkan majalah bagi mendidik orang Melayu untuk maju dalam pelbagai aspek ekonomi. Ini termasuklah dengan menerbitkan *Usabawan Peladang* (1981) dan *Peladang Jaya* (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka yang terkenal dengan pelbagai majalah umum juga mula menerbitkan *Dewan Ekonomi* pada tahun 1994. Lembaga Perindustrian Kayu pula mula menerbitkan *Warta Perdagangan Kayu* pada tahun 1972 manakala Perbadanan Usahawan Nasional Berhad pula telah menerbitkan *Usabawan Nasional*.

Dalam bidang koperasi juga, beberapa majalah telah diterbitkan bagi mengembangkan minat berkoperasi di kalangan orang Melayu. Misalnya, Unit Penerbitan Media, Bahagian Pengembangan, Ibu Pejabat RISDA telah menerbitkan *Berita Koperasi* pada tahun 1970. Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia pula menerbitkan *Koop Sekolah* dengan moto “Majalah Koperasi Sekolah” pada tahun 1986. Majalah ini kemudian bertukar nama menjadi *Koperasi Sekolah* pada tahun 1988 dengan moto “Ke Arah Pendidikan Masyarakat yang Sempurna.”

### Majalah Ekonomi Terbitan Institusi Kewangan

Selain kementerian dan agensi-agensi awam, institusi-institusi kewangan terutamanya bank milik kerajaan turut memperlihatkan iltizam yang tinggi dalam meningkatkan kefahaman rakyat terhadap selok-belok perekonomian. Institusi-institusi ini memperkenalkan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan melalui majalah yang diterbitkan. Misalnya, PNB mula menerbitkan *Pelabur* pada tahun 2000 setelah mengambil alih Citra Publishing.

Antara yang terawal yang menerbitkan majalah ekonomi ialah Bank Bumiputera Malaysia Berhad yang menerbitkan *Gemaputra* pada tahun 1973. Bank Pertanian Malaysia pula telah menerbitkan *Berita BPM* pada tahun 1976 dan *Penggerak* pada tahun 1978 manakala Bank Simpanan Nasional pula mula menerbitkan *Penyimpan* pada tahun 1980. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia pula menerbitkan *Rakyat* pada tahun 1983 dan *Majalah Rakyat* pada tahun 1985.

### Majalah Ilmiah Ekonomi Melayu

Selain majalah ekonomi Melayu yang muncul dalam bentuk popular dan ringan bagi tatapan pembaca umum, terbit juga sejumlah kecil majalah yang agak khusus bagi mereka yang pakar dalam bidang ekonomi. Majalah-majalah ini terbit dalam bentuk fizikal yang sederhana, tidak mewah, dengan teks dan gambar hitam putih tanpa reka letak dan reka bentuk berwarna-warni. Majalah ekonomi yang bersifat ilmiah dalam bahasa Melayu yang terawal diterbitkan di negara ini ialah *Ekonomis*. Ini disahkan dalam ucapan tahniah Ungku Aziz kepada majalah *Ekonomis* dalam keluaran sulungnya seperti yang berikut:

Sa-benar-nya majallah ini (*Ekonomis*) boleh di-sifatkan sa-bagai adek bongsu kepada dua majallah ekonomi yang sedang di-keluarkan di-Malaysia. Ia-itu majallah “*Ekonomi*” yang di-terbitkan oleh mahasiswa Universiti Malaya melalui Persatuan Ekonomi Universiti Malaya dan majallah yang paling kanan, ia-itu “*Kajian Ekonomi Malaysia*” yang di-terbitkan oleh Persekutuan Ekonomi Malaysia. Persekutuan ini di-anggotai oleh ahli2 ekonomi yang berkelulusan Universiti dari seluruh dunia.

(Ungku Aziz 1964)

*Ekonomi* (1960) dan *Kajian Ekonomi Malaysia* (1964), walaupun judulnya adalah dalam bahasa Melayu, makalah-makalah di dalamnya menggunakan bahasa Inggeris. Kedua-duanya terbit di Universiti Malaya dan pembacanya ialah kalangan intelektual khususnya pakar dalam bidang ekonomi. Pada tahun 1984 terbit pula *Jurnal Ekonomi Malaysia* di Universiti Kebangsaan Malaysia, sebuah jurnal ekonomi dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Kini, majalah-majalah ekonomi berbahasa Melayu yang diterbitkan secara berkala yang membincangkan pelbagai bidang ilmu ekonomi sudah semakin maju dan berubah bentuk kepada jurnal ilmiah ekonomi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

## PERBINCANGAN

Dengan pelbagai kemajuan yang dicatatkan oleh orang Melayu, media komunikasi orang Melayu tidak lagi terhad kepada tulisan Jawi. Setelah maju dengan media Rumi, majalah ekonomi Melayu muncul dalam dwibahasa dan mutakhir ini, majalah ekonomi yang disasarkan kepada orang Melayu terbit pula dalam bahasa Inggeris (lihat Jadual 2). Penerbit swasta, bank dan institusi kewangan, syarikat kad kredit serta syarikat jualan langsung kini menerbitkan pelbagai majalah dan buletin kepada pembaca dan pelanggan mereka yang juga terdiri daripada kaum Melayu sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun dwibahasa.

Terdapat beberapa babak menarik dalam perkembangan dan pertumbuhan majalah ekonomi Melayu di negara ini sepanjang abad yang lalu. Pada awal abad ke-20 telah muncul majalah ekonomi Melayu tetapi jumlahnya tidaklah banyak sehinggalah apabila kerajaan melancarkan DEB bagi mendorong kaum bumiputera khususnya orang Melayu menceburkan diri dengan lebih giat dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Pada waktu kurangnya penulis yang dapat mengungkapkan pelbagai persoalan ekonomi, terbit juga beberapa majalah ekonomi secara sederhana. Daripada sifatnya yang daif—jumlah judul serta edarannya yang kecil, liputannya yang terhad—satu demi satu majalah ekonomi Melayu diterbitkan. Kebanyakannya hidup nyawanya ikan sebelum diberhentikan penerbitannya dan penerbitnya gulung tikar.

Di samping itu, terdapat juga kecenderungan penerbit menggunakan judul dan slogan dalam bahasa Melayu tetapi makalah-makalahnya adalah berbahasa Inggeris atau setidak-tidaknya diterbitkan dengan menggunakan kedua-dua bahasa, Inggeris dan Melayu. Ini dilihat sebagai salah satu usaha penerbitnya untuk menarik pembaca Melayu ke dalam suasana ekonomi dengan bahasa yang global.

Dalam tempoh 1917-1957, sebelum merdeka, kajian ini hanya menyenaraikan empat judul majalah ekonomi Melayu. Dalam tempoh berikutnya iaitu selepas merdeka hingga pelancaran DEB (1957-1970), terdapat tiga lagi judul majalah ekonomi Melayu yang disenaraikan. Jika dilihat dari segi kadar pertumbuhan, tidak kelihatan sebarang kemajuan bahkan ia menunjukkan suatu kemunduran.

Walau bagaimanapun selepas DEB mula dilaksanakan pada tahun 1970, sepuluh judul baru majalah ekonomi Melayu telah muncul sehingga tahun 1980. Dan, sepanjang dekad 80-an, 13 judul majalah ekonomi direkodkan dan jumlahnya bertambah sebanyak 19 judul sepanjang dekad 1990-an iaitu sehingga tahun 2000. Ini memperlihatkan limpahan majalah ekonomi Melayu di negara ini pada dekad tersebut. Hal ini berlaku akibat berakhirnya pelaksanaan DEB pada tahun 1990 dan ditambah pula dengan pengenalan Wawasan 2020 oleh kerajaan yang bertujuan untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

## KESIMPULAN

Kebanyakan majalah ekonomi di negara ini diterbitkan oleh kementerian dan penerbit-penerbit kecil. Ketika ini, majalahnya bersifat agak sederhana dari segi persembahannya sama ada tulisan, liputan mahupun bentuk fizikalnya.

Dasar kerajaan yang memberikan galakan dalam memajukan ekonomi orang Melayu serta kemajuan ekonomi yang dicapai di negara ini telah merangsang pelbagai pihak lain termasuk penerbit swasta mengambil daya usaha menerbitkan pelbagai majalah ekonomi. Bagi menggalakkan perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri misalnya telah menerbitkan *Trade Digest* atau *Intisari Dagang*. Sejak itu, lahir lebih banyak majalah dan kajian ini merekodkan pertambahan judul majalah ekonomi Melayu yang banyak sepanjang dekad 1980-an dan 1990-an (lihat Jadual 1).

Oleh sebab ini merupakan suatu kajian awal, tentulah banyak lagi judul majalah ekonomi Melayu yang dapat direkodkan sekiranya kajian selanjutnya dilakukan. Kajian juga harus ditumpukan kepada sumbangan majalah-majalah ini dalam memajukan pengetahuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan, khususnya kalangan peniaga dan usahawan. Sambutan dan penerimaan pembaca terhadap majalah-majalah ini juga perlu diselidiki memandangkan gambaran setakat ini menunjukkan kebanyakan majalah ekonomi Melayu tidak panjang usianya dan tidak diketahui pula jumlah edarannya.

Majalah seperti *Usahawan Malaysia* memang sudah mencecah usia lebih sedekad kalau diambil kira sejarah penerbitannya sejak sewaktu di tangan IUB dahulu, manakala *Dewan Ekonomi* akan mencapainya pada tahun hadapan. Tetapi, apakah majalah-majalah ini sudah menjadi begitu akrab dengan masyarakat perniagaan di negara ini terutama kepada ahli perniagaan Melayu, walaupun tidak di kalangan masyarakat perniagaan Malaysia keseluruhannya? Secara konservatif, jawapannya tentulah “tidak” memandangkan jumlah edaran majalah-majalah ini jauh lebih kecil berbanding saiz komuniti perniagaan di negara ini.

Maka, inilah cabaran yang dihadapi oleh penerbit-penerbit majalah ini dari dahulu hingga kini iaitu untuk sampai ke tangan semua pembaca yang ada di seluruh pelosok negara. Apatah lagi, di pasaran kita sedia beredar *Fortune*, *Forbes*, *Asian Wall Street Journal* dan banyak lagi majalah perniagaan dari Barat selain hadirnya begitu banyak majalah ekonomi tempatan yang berbahasa Inggeris.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Talib. 1964. *Ekonomis*. Bil. 1, hlm. 2.
- Ahmad Mahir Kamarudin. 1989. *Intisari Dagang*. Bil. 1.
- Ahmat Adam. 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke-19*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Ahmad Shariff. 1983. *Swasta*. Bil. 1, Oktober. hlm 2.
- Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail (Penyunting.). 1992. *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chan Sup Mei. 1964. *Ekonomis*. Bil. 1, hlm. 5.
- Ekonomis*. 1964. Bil. 1. hlm 6.
- Halimi Sharbaini. 1964. *Ekonomis*. Bil. 1, hlm. 4.
- Iskandar Ahmad, A.M.. 1973. *Persuratkhabaran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Hamed Mohd Adnan. 2002. *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Dato' Muda. 1941. *Kitab Tarikh Surat Khabar*. Bukit Mertajam: Az-Ziniah Press.
- Proudfoot. 1981. "Malay Periodicals: Notes to Roff's Bibliography Drawn from Government Gazettes" dlm. *Kekal Abadi*. Jilid. 4 (4).
- Proudfoot. 1987. "A Nineteenth-Century Malay Bookseller's Catalogue", dlm. *Kekal Abadi*. Jilid 6 (4).
- Proudfoot . 1993. *Early Malay Printed Books*. Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies & The Library University of Malaya.
- Roff, R.William. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876 – 1941*. London: Oxford University Press.
- Swasta*. 1983. Bil. 1.
- Ungku A. Aziz. 1964. *Ekonomis*, Bil. 1, hlm 3.
- Usabawan*. 1986. Bil. 1, Julai. hlm. 4.

Jadual 1: Majalah Ekonomi Melayu di Malaysia

Judul	Mula Terbit	Penerbit
<b>SEBELUM MERDEKA (1917-1957)</b>		
<i>Warta Perusahaan Tanah</i>	1917	Pejabat Tanam-tanaman Persekutuan Tanah Melayu
<i>Perdagangan</i>	1928	The Indonesian Co.
<i>Chahaya Singapura</i>	1934	A.K. Daharoz
<i>Panduan Kehidupan</i>	1949	Raja Mohd. Yunos Publisher Co.
<b>SELEPAS MERDEKA (1957-1970)</b>		
<i>Berita Pertiagaan</i>	1960	Sinaran Brothers
<i>Ekonomis</i>	1964	Persatuan Ekonomi, Sek. Alam Shah
<i>Berita Pembangunan</i>	1967	(n.d), Pulau Pinang
<b>SELEPAS DEB</b>		
<i>Berita Koperasi</i>	1970	RISDA
<i>Warta Perdagangan Kayu</i>	1972	Lembaga Perindustrian Kayu
<i>Majalah RISDA</i>	1973	RISDA
<i>Puspaniaga</i>	1973	DPPMMWP
<i>Gemaputra</i>	1973	Bank Bumiputera
<i>Gema Malaysia</i>	1975	Penerbitan Ahmad Sudin
<i>Dayasaba</i>	1976	MARA
<i>Berita BPM</i>	1976	Bank Pertanian Malaysia
<i>Penggerak</i>	1978	Bank Pertanian Malaysia
<i>Swasta</i>	1979	Swasta Publications
<i>Penyimpan</i>	1980	Bank Simpanan Nasional
<i>Usahawan Peladang</i>	1981	Lembaga Pertubuhan Peladang
<i>Intisari Dagang</i>	1981	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian
<i>Rakyat</i>	1983	Bank Rakyat
<i>Majalah Rakyat</i>	1985	Bank Rakyat
<i>Swasta</i>	1983	Qamada Publishing House
<i>Dunia Dagang</i>	1983	Agensi Penerbitan Nusantara
<i>Peluang dagang</i>	1983	Malaysian Export Trade Centre
<i>Usahawan</i>	1986	Institut Usahawan Bumiputera
<i>Koop Sekolah</i>	1986	Jabatan Pembangunan Koperasi
<i>Majalah Ekonomi Rakyat</i>	1988	Penerbitan Norsham, Butterworth
<i>Urusniaga</i>	1989	DPPMMWP
<i>Intisari Dagang</i>	1989	'D' Enterprise, Mahir Holdings
<i>Pancaniaga</i>	1990	Paraniaga Sdn. Bhd.
<i>Usahawan Malaysia</i>	1990	Saujana Global/TUB
<i>Motivasi Niaga</i>	1991	Pusat Pemasaran Motivasi
<i>Buletin Usahawan</i>	1992	Kementerian Perusahaan Awam
<i>Duniaga</i>	1992	Karya Kreatif
<i>Buletin perdagangan</i>	1993	Kem. Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
<i>Industri Malaysia</i>	1994	Tastax Raya Press
<i>Data Niaga</i>	1994	Berita Publishing
<i>Peladang Jaya</i>	1994	Lembaga Pertubuhan Peladang
<i>Warta Cermat</i>	1994	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
<i>Dewan Ekonomi</i>	1994	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>Pelabur</i>	1995	Citra Publishing
<i>Buletin Usahawan</i>	1996	Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu
<i>Prospektus</i>	1996	Team Tower
<i>Skop Niaga</i>	1997	Lim Kim Wah / Tempo Publishing
<i>Majalah Niaga</i>	1999	Penerbitan Majalah Niaga
<i>Usahawan Sukses</i>	1999	Pustaka Wira
<i>Buletin Perlindungan Pengguna</i>	2000	Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
<i>Pelabur</i>	2000	PNB

Jadual 2: Majalah Ekonomi Bukan Berbahasa Melayu di Malaysia

Judul	Mula Terbit	Penerbit	
<i>Ekonomi</i>	(?)	Persekutuan Ekonomi Malaysia	tahunan
<i>Gazette / Stock Exchange of Malaysia &amp; Singapore</i> (samb: <i>The Kuala Lumpur Stock Exchange Gazette</i> )	1960	Stock Exchange of Malaysia & Singapore	?
<i>Kajian Ekonomi Malaysia</i>	1964	Persekutuan Ekonomi Malaysia	tahunan
<i>Malaysia Trade Bulletin</i>	1964	Tan Peng Siew	?
<i>UMBC economic review</i>	1965	UMBC	?
<i>Malaysia industrial digest</i>	1968	FIDA	suku tahunan
<i>Asian trade and industry</i> ( <i>ASEAN Trade and Industry</i> )	1968 (?)	Syed Hussain Publications	?
<i>Review of agricultural economics Malaysia</i>	1967	FAMA	tahunan
<i>Malaysian finance and industry</i>	1969	M.F.T.	bulanan
<i>Monthly Malaysian Business Journal</i>	1969	M.F.T.	bulanan
<i>Malaysian finance and development</i>	1971	Syarikat Penerbitan Tenggara Asia	?
<i>Malaysian Business</i>	1972	New Straits Times Press	bulanan
<i>The journal of School of Business Studies</i> <i>Kolej Tunku Abdul Rahman.</i>	1976	Kolej Tunku Abdul Rahman, School of Business Studies	tahunan
<i>Industries and Business in Malaysia</i>	1978	Malverton-Simmons Discount Co.	?
<i>Shang Hai</i>	1979	Star Publications	?
<i>Investors Digest</i>	1984	Kuala Lumpur Stock Exchange	bulanan
<i>Economic review</i>	1986	Public Bank	?
<i>Corporate World</i>	1988	Corporate World	bulanan
<i>Sojourn</i>	1989	Southern Bank	suku tahunan
<i>The Malayan economic review</i>	1982	University of Singapore	?